

06/03/1999

Mahathir terima cabaran Dr Wan Azizah

PAPAR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersedia menerima cabaran Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di kerusi Parlimen Kubang Pasu dalam pilihan raya umum akan datang.

Menurutnya, isteri bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim itu bebas berbuat demikian kerana Malaysia mengamalkan demokrasi yang memberi kebebasan kepada siapa saja untuk bertanding dalam pilihan raya.

"Jika Dr Wan Azizah nak lawan saya di Kubang Pasu tak apa kerana kita mengamalkan demokrasi," kata Perdana Menteri pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat, di Taman OKK Mahali, di sini hari ini.

Akhir bulan lalu, ketika berucap di majlis anjuran Pas cawangan Kampung Tok Kesob, Dr Wan Azizah berkata beliau bersedia menimbangkan kemungkinan bertanding di kawasan itu jika penduduknya mahu beliau berbuat demikian.

Ekoran itu, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata, parti itu tidak akan meletakkan calon jika Dr Wan Azizah bertanding di Kubang Pasu kerana mahu memastikan sokongan padu.

Dr Mahathir bagaimanapun mempersoalkan sama ada Dr Wan Azizah, yang juga Pengerusi Gerakan Keadilan Sosial (Adil), mampu membawa pembangunan di kawasan itu seperti dilaksanakan oleh Barisan Nasional (BN).

Sebagai contoh, kata Perdana Menteri, apakah Dr Wan Azizah mampu menyediakan peruntukan bagi memajukan lagi Universiti Utara Malaysia (UUM) yang terletak dalam kawasan Kubang Pasu.

"Di Sabah, kerajaan membelanjakan RM1.2 bilion bagi membangunkan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan RM800 juta untuk fasa satu saja berbanding UUM sebanyak RM400 juta untuk keseluruhan projek.

"Jika Dr Wan Azizah dapat menyediakan peruntukan RM800 juta lagi (untuk UUM), saya akan memberitahu pengundi di Kubang Pasu supaya memilih beliau," katanya.

(END)